

**Presiden MCA Dan MIC Ucap Selamat Hari Raya  
Bernama  
Julai 28, 2014**

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Liow Tiong Lai hari ini mengucapkan Selamat Hari Raya kepada semua umat Islam di negara ini.

Liow, yang juga Menteri Pengangkutan, turut menasihati rakyat Malaysia agar memandu dengan bijak supaya selamat tiba ke destinasi masing-masing.

"Selamat Hari Raya Aidilfitri diucapkan kepada semua umat Islam. Pandulah dengan bijak agar tiba dengan selamat ke destinasi," katanya dalam laman Twitter.

Presiden MIC Datuk Seri G. Palanivel turut mengucapkan Selamat Hari Raya kepada rakyat beragama Islam di seluruh negara.

"Semoga raya tahun ini akan disambut dengan lebih meriah bersama keluarga dan rakan-rakan tanpa melupakan golongan kurang bernasib baik dan warga tua," katanya dalam laman Facebook.

Palanivel, yang juga Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, berkata rakyat Malaysia sangat beruntung kerana dapat hidup dalam suasana aman serta tenteram sambil meraikan pelbagai perayaan sepanjang tahun.

"Saya juga ingin merakamkan ucapan takziah dan kesedihan di atas tragedi yang menimpa pesawat MH17 baru-baru ini.

"Semoga semua ahli keluarga serta rakan penumpang dan anak-anak kapal bersabar dan tabah menempuh saat yang amat menyedihkan ini," katanya.

Menteri Belia dan Sukan Khairy Jamaluddin turut membuat ucapan Hari Raya melalui laman twitternya hari ini.

"Selamat Hari Raya Aidilfitri. Semoga pada hari yang mulia ini, kita bersyukur kepada Allah SWT atas segala nikmat," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1056744>